



**IBU PEJABAT
KESATUAN PEMANDU-PEMANDU
KEMENTERIAN KESIHATAN SEMENANJUNG MALAYSIA (KPPKKSMM)
(No. Pendaftaran 382)**

324, Jalan Kelab, 83000 Batu Pahat, Johor.

Laman web : <http://www.kppkksm.org.my>
e-mail : ibupejabat@kppkksm.org.my
: kppkksm@yahoo.com

Telefon / Faksimili :
Telefon Bimbit : (011)18587576

No Rujukan : (003)KPPKKSMM/SEL/WP/2017/20

Tarikh : 3 Mar 2020

**AHLI-AHLI KESATUAN PEMANDU-PEMANDU KEMENTERIAN KESIHATAN SEMENANJUNG
MALAYSIA CAWANGAN NEGERI SELANGOR DAN WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA
LUMPUR DAN PUTRAJAYA**

Tuan,

**PERATURAN 32 : NOTIS MESYUARAT AGUNG TRI TAHUNAN SESI 2020 – 2023 KESATUAN
PEMANDU-PEMANDU KEMENTERIAN KESIHATAN SEMENANJUNG MALAYSIA CAWANGAN
NEGERI SELANGOR DAN WILAYAH PERSEKUTUAN**

Adalah saya dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Ingin saya menarik perhatian pihak tuan Mesyuarat Agung TRI Tahunan Kesatuan Pemandu-Pemandu Kementerian Kesihatan Semenanjung Cawangan Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Sesi 2020 – 2023 akan diadakan seperti ditetapkan berikut:

Tarikh : 5 April 2020 (Ahad)
Tempat : Bahagian Khidmat Pengurusan
Aras 8, Blok E7, Kompleks E
Kementerian Kesihatan Malaysia
PUTRAJAYA.
Masa : 8.00 Pagi – 5.00 Petang

3. Agenda Mesyuarat : (a) menerima dan meluluskan penyata-penyata dan laporan-laporan daripada Setiausaha dan Bendahari Cawangan;

- (b) membincang dan memutuskan usul-usul untuk dibawa ke Persidangan Perwakilan TRI Tahunan
- (c) memilih :
 - (i) 2 orang Juruaudit Dalam Cawangan; dan
 - (ii) 5 orang Jemaah Pemeriksa Undi Cawangan.
- (d) menerima penyata Pemeriksa Undi bagi pemilihan Pengerusi, Setiausaha, Bendahari dan Ahli Jawatankuasa Cawangan bagi Sesi 2020 – 2023 dan
- (e) membincang dan memutuskan lain-lain perkara yang berkaitan.

4. Bersama-sama ini disertakan Borang-Borang Pencalonan (Lampiran 1) bagi jawatan Pengerusi, (Lampiran 2) bagi jawatan Setiausaha, (Lampiran 3) bagi jawatan Bendahari, (Lampiran 4) bagi jawatan Ahli Jawatankuasa dan Borang Usul yang perlu diisi selengkapnya (Borang-Borang Pencalonan dan Usul-Usul yang **TIDAK LENGKAP AKAN DITOLAK**) dan ianya hendaklah diserahkan sebelum atau selewat-lewatnya **pada 16 Mar 2020 (Isnin) Jam 5.00 Petang** diatas nama **Setiausaha Agung KPPKKSM dialamat : Kelab Batu Pahat, No. 324, Jalan Kelab, 83000 Batu Pahat, Johor.**

5. Sekian untuk perhatian dan tindakan pihak tuan. Segala kerjasama pihak tuan didalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

“ AMANAH, TELUS DAN IKHLAS ”

“ KEBAJIKAN DIUTAMAKAN, PRODUKTIVITI DITINGKATKAN ”

Saya yang menjalankan amanah,



(REOSTAM BIN DZAHAR)

Setiausaha Agung

Kesatuan Pemandu-Pemandu Kementerian Kesihatan Semenanjung Malaysia (KPPKKSM)

s.k. Encik Yusuf @Harun Bin Hj Tak Abdullah

Presiden

Kesatuan Pemandu-Pemandu Kementerian Kesihatan Semenanjung Malaysia (KPPKKSM)

Merangkap

Pengerusi KPPKKSM Cawangan Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan